

**Penduduk Kuala Besut Tenang Melalui Pilihan Raya Kecil
Bernama
19 Julai, 2013
Oleh Harlina Samson**

KUALA BESUT, 19 Julai (Bernama) -- Ibarat deruan ombak Laut China Selatan yang sesekali menghempas di jeti Kuala Besut, begitulah suasana pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Kuala Besut mengusik kehidupan penduduk kawasan ini pada ketika ini.

Kehidupan penduduk Kuala Besut yang amat sederhana dan tenang selama ini tidak terlalu berkocak dengan kempen pilihan raya kecil, yang memasuki hari ketujuh hari ini.

Bagi orang luar seperti penulis yang pertama kali menjejakkan kaki ke Kuala Besut serta pelancong asing, mereka mungkin hanya menyedari adanya pilihan raya kecil setelah melihat ribuan kibaran bendera biru Barisan Nasional (BN) dan hijau PAS menghiasi pemandangan di kebanyakan laluan utama memasuki kawasan itu.

Tidak sesibuk sebagaimana lazim pilihan raya kecil diadakan di tempat-tempat lain sebelum ini, kempen pilihan raya kecil DUN Kuala Besut diadakan dalam keadaan tenang, natijah politik Ramadan, bulan suci dan mulia.

"Setenangnyanya pantai Demong, itulah umpama aman dan tenangnya pilihan raya kecil DUN Kuala Besut ini," begitulah rumusan Timbalan Ketua Polis Terengganu Datuk Hamzah Mohd Jamil.

Hamzah berkata kedua-dua parti berkempen dengan tertib, manakala calon serta jentera parti mengamalkan tahap kesopanan dan kesusilaan yang tinggi.

"Diharapkan suasana ini berterusan sehingga hari pengundian dan pilihan raya kecil DUN Kuala Besut menjadi model pilihan raya yang aman, tenteram dan harmoni," katanya.

Pemerhatian penulis sejak menjejak kaki di Kuala Besut dan tinjauan di sekitar kawasan seluas 41 kilometer persegi mendapati kata-kata Hamzah itu memang benar.

"Berbeza sangat dengan keadaan semasa pilihan raya umum ke-13, pada Mei," kata seorang wartawan tempatan semasa ditanya mengenai kempen yang berlangsung.

Pilihan raya kecil DUN Kuala Besut menyaksikan pertembungan antara calon BN Tengku Zaihan Che Ku Abdul Rahman, 37, dan calon PAS, Endot @ Azlan Yusof, 48.

Pilihan raya kecil ini diadakan berikutan kematian penyandangnyanya Dr A. Rahman Mokhtar akibat kanser paru-paru pada 26 Jun.

DUN Kuala Besut merangkumi sebuah perkampungan nelayan. Kesibukan mungkin boleh dirasakan sedikit di pekan dan jeti Kuala Besut yang menjadi pintu masuk pelancong ke Pulau Perhentian.

Tidak kisahkah penduduk kepada pilihan raya kecil yang dianggap besar ini, yang jika silap percaturan boleh membawa implikasi kepada pentadbiran kerajaan negeri dan kehidupan rakyat Terengganu?

Bagi seorang penduduk Kampung Pengkalan Attap, Mohd Yusof Abdul Rahman, 60, beliau

mahu kesinambungan pemerintahan kerajaan sedia ada berkekalan kerana telah banyak hasil yang dinikmati.

Beliau bekerja sebagai nelayan di Kuantan dengan pendapatan RM100 sehari, mempunyai 10 anak dan 15 cucu. Baginya mengapa perlu ubah selepas PAS diberi peluang memerintah dahulu dan tiada apa-apa perubahan dilakukan untuk menaik taraf hidup rakyat.

Buat ibu tunggal, Nik Som Hata Som, 50, yang tinggal bersama ibu berusia 68 tahun dan anak lelaki 19 tahun, yang penting bagi mereka adalah kehidupan dapat diteruskan.

Nik Som yang bekerja mengambil upah memproses keropok dengan pendapatan purata RM200 sebulan bergantung kepada hasil tangkapan ikan, berkata:

"Bersyukurlah kerajaan bantu beri rumah, kami orang kampung hidup biasa-biasa sahaja. Kerajaan fikirilah apa yang baik untuk rakyat," katanya tulus.

Tanpa perlu kempen secara besar-besaran, ada yang telah membuat keputusan siapakah calon yang akan dipilih menjadi wakil rakyat mereka pada 24 Julai ini.

Namun, ibarat pepatah 'air yang tenang, jangan disangka tiada buaya', seorang anggota Skuad Sayang Wanita Umno, yang berkempen dari rumah ke rumah di Kampung Nail, berkata tiada masalah bagi pengundi tegar yang telah membuat keputusan untuk memilih siapa wakil rakyat mereka.

Namun, kata anggota Umno dari Setiu yang enggan dikenali ini, ada pengundi muda kononnya mahukan perubahan tanpa menyedari implikasi yang akan berlaku.

"Mereka tak faham. Harap-harap calon BN yang merupakan orang muda ini dapat menambat hati mereka," katanya merujuk kepada Tengku Zaihan yang dilihat mampu membawa suara dan inspirasi generasi muda.

DUN Kuala Besut mempunyai 17,683 pengundi dengan 98 peratus adalah pengundi Melayu. Kira-kira 55 peratus pengundi muda berusia 21 hingga 39 tahun.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=964541>